

RAHSIA PAYUNG KUNING (RINGKASAN UNTUK BBB)

Hujan turun renyai-renyai ketika loceng sekolah berbunyi menandakan waktu pulang sudah tiba. Arumi berdiri di kaki lima sambil memeluk begnya. Dia berasa **kecewa** kerana terlupa membawa payung.

“Aduh, hujan lagi...” rungutnya dengan wajah yang **sedih**.

Dia memandang jalan yang basah dan berlumpur. Sedang Arumi berkira-kira untuk berlari, tiba-tiba sebuah payung kuning jatuh perlahan di hadapannya. Arumi berasa **hairan**. Dia melihat ke sekeliling, tetapi tiada sesiapa. Perlahan-lahan, dia membuka payung itu. Tiba-tiba, bunyi hujan menjadi lembut seperti alunan muzik yang menenangkan.

“Selamat datang ke Bandar Awan!” satu suara kedengaran.

Arumi **terkejut**. Seekor makhluk kecil bernama Piko muncul di hadapannya sambil tersenyum.

“Hujan turun bukan untuk menyusahkan,” kata Piko dengan suara yang lembut.

Arumi mula memerhati keadaan sekeliling. Dia melihat bunga-bunga yang segar selepas disiram hujan. Burung-burung pula mandi dengan riang di dalam lopak air. Melihat semua itu, hati Arumi mula berubah. Dia berasa **tenang**.

“Mungkin hujan tidaklah seteruk yang saya sangka,” katanya perlahan.

Tiba-tiba, payung kuning itu bersinar terang. Arumi berasa **gembira** kerana mula memahami keindahan hujan.

“Bagus! Kamu sudah belajar melihat hujan dengan pandangan yang berbeza,” kata Piko dengan **bangga** sambil tersenyum.

Tidak lama kemudian, Arumi kembali ke dunia sebenar. Hujan masih turun, tetapi kali ini Arumi tersenyum. Dia tidak lagi mengeluh, sebaliknya berasa bersyukur kerana memahami hikmah di sebalik hujan.

Kenal pasti dan senaraikan Kata Adjektif Perasaan yang terdapat dalam cerita tersebut.

1.

2.

3.

4.

5.

6.

7.